



Majlis Khas IKS



Berita Harian - Kuala Lumpur

KEMENTERIAN Pembangunan Usahawan menubuhkan Majlis Teknologi Maklumat dan Komunikasi (MTMK) bagi merancang program pembangunan usahawan Bumiputera dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) terutamanya Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, berkata penubuhan majlis itu adalah hasil resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat yang bertujuan menggalakkan lebih ramai Bumiputera menceburi bidang ICT.

"Majlis yang dipengerusikan Menteri Pembangunan Usahawan itu dianggotai semua agensi kerajaan dan pakar ICT bagi merangka rancangan komprehensif membantu syarikat ICT Bumiputera meneroka pasaran global," katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas pelancaran rumusan penyelesaian iGain dan gerbang Eecomz.com milik Global E-Comz Sdn Bhd (Eecomz.com), untuk membantu IKS menceburi perdagangan elektronik tanpa kos tinggi.

Turut hadir ialah Pengerusi Global E-Comz Sdn Bhd, Zakir Basree; Ketua Pegawai Eksekutif Global E-Comz Sdn Bhd, Ahmad Hata Hussein; Ketua Pegawai Operasi Mimos Bhd, Dr Mohamad Awang Lah; Naib Presiden Kanan AccTrack21 Sdn Bhd, Ea Chong Kang dan Pengarah Teknikal Ambersoft Sdn Bhd, Sukhdev Singh.

Beliau berkata, penubuhan majlis itu kena pada masanya kerana sektor IKS masih rendah penggunaan ICT dalam perniagaan iaitu kurang 50 peratus dan keadaan ini perlu diperbetulkan.

"Oleh itu, usahawan ICT Bumiputera perlu memanfaatkan peluang yang ada bagi menawarkan produk dan perkhidmatan e-dagang kepada syarikat IKS," katanya.

Nazri berkata, usahawan ICT Bumiputera juga perlu mengikis sikap terlalu bergantung kepada projek kerajaan kerana kajian menunjukkan 50 peratus daripada jumlah pendapatan yang diperolehi ialah daripada kontrak kerajaan.

"Mereka perlu memperluas-kan kegiatan dalam bidang perkhidmatan dan nilai ditambah seperti pembangunan perisian, pembangunan kandungan dan e-dagang yang mempunyai potensi besar bagi menarik syarikat modal teroka," katanya.

AmberSoft endeavors to ensure that the information is correct and fairly stated, but does not accept liability for any error or omission. The development of AmberSoft's products and services is continuous and published information may not be up to date. It is important to check the current position with AmberSoft.